

PENGUNAAN RODA ASEAN DALAM MEMBANTU MURID TAHUN 5 MENGUASAI TAJUK BENDERA NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA

Nazihah Safiah Binti Wahab
zeee.nazihah@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan penguasaan murid dalam tajuk Bendera Kebangsaan Negara-Negara di Asia Tenggara (BKNNDAT) bagi mata pelajaran Sejarah tahun lima dengan menggunakan Roda ASEAN disamping bertujuan untuk menambah baik amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) saya. Kajian ini melibatkan enam orang murid tahun lima di salah sebuah sekolah di Kuching. Penghasilan Roda ASEAN adalah berasaskan kepada penggunaan bahan bantu bergambar dan penggunaan Ayat Mnemonik. Bagi tujuan pengumpulan data saya telah menggunakan kaedah pemerhatian, analisis dokumen, temubual dan ujian sebelum selepas. Manakala bagi tujuan menganalisis data, analisis kandungan dan analisis pola telah digunakan. Dapatan kajian seterusnya telah ditriangulasikan dengan menggunakan triangulasi kaedah, masa dan sumber. Analisis secara keseluruhan menunjukkan penggunaan Roda ASEAN berkesan dalam meningkatkan penguasaan murid untuk tajuk BKNNDAT bagi mata pelajaran Sejarah disamping berjaya menambah baik amalan pengajaran saya. Antara cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah dengan mengaplikasi konsep Roda ASEAN ini kepada tajuk Bendera Negeri-Negeri di Malaysia (BNNDM) bagi murid tahun enam.

Kata kunci : Roda ASEAN, Mnemonik, Bahan Bantu Bergambar, Bendera Kebangsaan Negara-Negara di Asia Tenggara (BKNNDAT).

ABSTRACT

The aim of this study is to enhance pupil understanding in the topic of National Flag of Countries in Southeast Asia for Year Five History subject by using "Roda ASEAN" as well as to improve my teaching skills through this research. My study involved six pupils from Year Five in one of the schools in Kuching. The creation of "Roda ASEAN" was based on visual aids and Mnemonic Technique. Data was collected through observation, document analysis, before and after intervention test and interview. The data was then analysed by using content and dilemma analysis. After that, data collected was triangulated by using methods, time and resources triangulation. Overall findings indicated that "Roda ASEAN" was effective in increasing pupils understanding of the topic as well as my practices. Among the proposed improvements are to apply "Roda ASEAN" concept to teach Flag of States in Malaysia (BNNDM) topic for year six students.

Keyword : Roda ASEAN (ASEAN Wheel), Mnemonic, Visual Aid, National Flag of Countries in Southeast Asia

Pengenalan

Mata pelajaran sejarah telah digubal dengan berpaksikan kepada enam tunjang utama. Salah satu domain utamanya adalah kemanusiaan. Iaitu penguasaan ilmu dan amalan tentang kemasyarakatan dan alam sekitar setempat, negara dan global. Dalam konteks kajian ini, kebolehan murid untuk mengenali dan menguasai tajuk Bendera Kebangsaan Negara-Negara di Asia Tenggara (BKNN DAT) merupakan salah satu langkah yang akan membantu murid berfikir secara global. Ini kerana dengan mengenali negara-negara di Asia Tenggara ini, murid bukan sahaja diajar untuk menghargai keunikan negara mereka sendiri, malah mereka dididik untuk turut menghormati lambang-lambang negara lain (JPN, 2015).

Konteks

Saya merupakan seorang Guru Pelatih semester lapan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2014 di IPG Kampus Batu Lintang. Pengkhususan utama saya ialah Pendidikan Sejarah Sekolah Rendah. Pada semester tujuh yang lalu, saya telah menjalani Praktikum Fasa Dua selama tiga bulan di SK Katana, Kuching yang terletak 40 minit dari Pusat Bandar Kuching. Pada tahun 2017, bilangan murid di sekolah ini mencatatkan angka 635 orang dengan 59 orang tenaga pengajar. Setiap tahun mempunyai tiga kelas iaitu Merah, Biru, Kuning dengan purata bilangan murid di dalam setiap kelas adalah 30- 35 orang murid yang diasingkan mengikut tahap kecerdasan mereka (*streaming*).

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran

Saya telah memulakan pengajaran bagi tajuk Bendera Berkibar pada minggu kesepuluh. Salah satu topik yang terkandung di dalam tajuk ini adalah mengenai Bendera Kebangsaan Negara-Negara di Asia Tenggara (BKNN DAT). Bagi tajuk ini teknik pengajaran yang biasa saya gunakan adalah penerangan, melabel peta, serta soal jawab yang kebanyakannya diadakan secara berkumpulan. Namun begitu saya dapati kaedah yang digunakan ini masih tidak cukup untuk membantu murid menguasai tajuk ini. Setelah mengenalpasti masalah ini semasa praktikum Fasa 1, ujian diagnostik awal telah saya jalankan pada Praktikum Fasa 2 bagi mengetahui tahap pengetahuan sedia ada murid. Hasilnya saya mendapati hanya 21% murid Tahun 5 termasuk peserta kajian dapat menyenaraikan sekurang-kurangnya 4 daripada 12 bendera negara di Asia Tenggara. Ini bermakna pengetahuan sedia ada murid mengenai BKNN DAT adalah di tahap yang rendah.

Data awal bagi kajian ini telah dikumpul mulai Praktikum Fasa 2 setelah saya mendapati murid masih tidak dapat menjawab dengan baik soalan mengenai Bendera Negara-Negara Di Asia Tenggara pada Rajah 1 walaupun saya membenarkan tugasan tersebut dijawab secara berkumpulan.



Rajah 1. Lembaran Kerja murid yang bertarikh 24 Ogos 2016 (Praktikum Fasa 1)


Pada Rajah 2 dan 3 adalah lembaran kerja Penilaian 1 yang telah diadakan pada 12 dan 14 September 2017 semasa praktikum fasa 2. Rajah 4 dan 5 pula menunjukkan dapatan daripada penilaian yang dibuat pada 21 September 2017.




Rajah 2. Lembaran kerja Penilaian 1 Aminah (1/12)



Rajah 3. Lembaran kerja Penilaian 1 Carl (1/12)




Rajah 4. Lembaran kerja Penilaian 1 Aminah (3/12)



Rajah 5. Lembaran kerja Penilaian 1 Carl (3/12)

Manakala semasa Praktikum Fasa 2 pula, didapati keenam-enam peserta kajian masih tidak dapat menguasai tajuk ini meskipun telah mempelajarinya dalam bilik darjah. Berdasarkan Rajah 6 dan 7, peserta kajian dikenalpasti menghadapi masalah dalam bahagian-bahagian tertentu. Sebagai contoh Ali dan Bob tidak dapat

mengenalpasti perbezaan antara bendera negeri-negeri Malaysia dengan bendera negara-negara di Asia Tenggara. Manakala Carl pula menunjukkan tanda-tanda jawapan yang dia tahu jawapan tersebut namun menghadapi masalah yang serius dari segi ejaan. Lembaran kerja Benz pula menunjukkan bahawa Benz keliru dalam membezakan bendera setiap negara tersebut. Dimana kesalahan ketaranya adalah kesilapan melabel nama negara dengan bendera yang betul.



Rajah 6. Murid masih tidak dapat membezakan antara negeri dan negara (12 September 2017)




Rajah 7. Peserta kajian keliru dalam mengenalpasti bendera dan negaradi Asia Tenggara. (14 September 2017)

Pada minggu berikutnya, kajian diteruskan dengan pelaksanaan Kitaran Pertama melalui PdPc di dalam bilik darjah yang melibatkan keenam-enam peserta kajian dengan menggunakan teknik mnemonik dan kaedah kooperatif. Namun begitu setelah di analisis, didapati peserta kajian masih tidak menunjukkan peningkatan dalam keputusan penilaian mereka berbanding dengan rakan-rakan mereka yang menunjukkan perubahan ketara dalam penilaian sebelum dan selepas proses PdPc.

Bagi mengatasi isu yang timbul daripada faktor guru, murid dan bahan dalam pengajaran tajuk ini, saya telah mengetengahkan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam membantu meningkatkan Penguasaan Maklumat (Tahap 4) murid Tahun 5 mengenai Bendera Kebangsaan Negara-negara di Asia Tenggara (BKNNDAT) yang dinamakan sebagai Roda ASEAN. Iaitu gabungan antara bahan maujud dengan kaedah Mneumonik Akronim dan Akrostik.

Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget (1968) menggalakkan Interaksi murid dengan bahan ransangan seperti cerita, visual, gambar dan sebagainya untuk membantu murid membentuk skema baharu melalui prinsip 'scaffolding'. Oleh itu penambahbaikan telah dibuat daripada kitaran pertama dari segi persembahan Ayat Mnemonik setelah saya mendapati enam orang peserta kajian masih belum dapat menguasai tajuk ini walaupun setelah melalui Kitaran 1 kajian. Manakala berdasarkan Rajah 8 pula, menunjukkan penambahbaikan telah dibuat dari segi persembahan ayat mnemonik tersebut iaitu dengan menggabungkan ayat tersebut dengan bahan bantu bergambar yang dinamakan sebagai Roda ASEAN.



Rajah 8. Penambahbaikan daripada Kitaran 1 (Ayat Mnemonik) kepada Kitaran 2 Roda ASEAN (Ayat Mnemonik + Bahan Bantu)

Fokus Kajian

Fokus kajian ini ilah membantu murid menguasai maklumat bagi tajuk BKNNDAT. Tahap penguasaan menurut Kementerian Pendidikan Malaysia adalah suatu kriteria pencapaian yang berasaskan setiap kelompok Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang telah ditetapkan. Dalam konteks ini, kajian dibuat bagi membolehkan murid menguasai Aras Empat tahap penguasaan. Iaitu "murid boleh menguasai maklumat tentang bendera kebangsaan sebagai identiti negara". Manakala, aspek pemilihan fokus kajian dilihat berdasarkan kriteria berikut:

Kebolehtadbiran. Roda ASEAN merupakan bahan bantu berasaskan prinsip *'all-in-one'* yang boleh digunakan dalam mengajar topik Bendera Kebangsaan bagi murid Tahun 5. Ia boleh ditadbir dan digunakan dengan mudah oleh mana-mana guru memandangkan Roda ASEAN adalah bahan mautud yang boleh disentuh dan dipegang seperti yang didefinisikan oleh Sufean Hussin et al (2006).

Kerelevanan. Roda ASEAN boleh digunakan di semua sekolah memandangkan ia merupakan bahan bantu mengajar yang bersifat *'stand-alone'*. Ia tidak memerlukan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) seperti komputer dan projektor. Ini sesuai untuk diaplikasikan dalam proses PdPc di SK Katana dimana kemudahan TMK nya adalah terhad kepada masa dan kelas tertentu sahaja. Oleh itu dengan menggunakan bahan bantu ini, kandungan isi pelajaran yang sama dapat digunakan pada bila-bila masa.

Kolaborasi. David Hopkins (1993) menggalakkan perbincangan antara rakan sekerja bagi mendapatkan penyelesaian terhadap masalah yang timbul dalam bilik darjah. Justeru itu dalam kajian ini saya telah berkolaborasi dengan rakan guru dan merujuk kepada ketua panitia sejarah dalam penghasilan ayat mneumonik akrostik bagi gabungan nama negara-negara di Asia Tenggara bagi memastikan ayat yang dibina difahami dan mudah diingati oleh murid.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untukmeningkatkan tahap penguasaan peserta kajian tentang Bendera Kebangsaan Negara-Negara Di Asia Tenggara (BKNNDAT) bagi mata pelajaran Sejarah tahun lima dengan menggunakan Roda ASEAN. Selain itu, kajian ini turut bertujuan membantu guru menambahbaik amalan pengajaran sendiri sebagai guru Sejarah.

Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab dua persoalan yang berikut:

- Bagaimanakah penggunaan Roda ASEAN dapat membantu peserta kajian untuk menguasai Tajuk Bendera Kebangsaan Negara-negara di Asia Tenggara?
- Bagaimanakah pengajaran menggunakan Roda ASEAN ini dapat menambah baik amalan sendiri saya semasa proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan Sejarah?

Peserta Kajian

Penyelidikan tindakan ini melibatkan enam orang murid Tahun 5 yang berusia 11 tahun iaitu Ali, Aminah, Bob, Benz, Carl dan Camelia. Mereka terdiri daripada kaum Melayu, Iban dan Bidayah yang bersekolah di SK Katana. Ali dan Aminah daripada kelas 5 Merah, Bob dan Benz pula daripada 5 Biru. Manakala Carl dan Camelia adalah murid Tahun 5 Kuning. Faktor utama pemilihan keenam-enam murid ini adalah disebabkan mereka adalah murid yang memperolehi markah yang terendah di dalam tugasan yang diberikan kerana menghadapi masalah daya ingatan pendek, mudah hilang tumpuan, cepat merasa bosan, rendah keyakinan diri namun masih mempunyai potensi untuk maju dalam pelajaran terutamanya dalam matapelajaran Sejarah (Dunn & Dunn: Aziz, 2014).

Tindakan Yang Dijalankan

Sesi intervensi bersama peserta kajian dengan menggunakan Roda ASEAN telah saya jalankan di luar waktu PdPc bagi memudahkan peserta kajian (guru dan murid) untuk menumpukan perhatian semasa intervensi dijalankan. Jadual 1 dan 2 menunjukkan langkah pelaksanaan sesi intervensi yang telah saya laksanakan. Sesi intervensi ini telah diadakan sebanyak tiga kali secara berpasangan memandangkan terdapat kekangan masa dalam pelaksanaan intervensi secara berkumpulan.

Jadual 1

Jadual Pelaksanaan Kitaran 2 (Intervensi Menggunakan Roda ASEAN)

PERKARA	MODEL KAJIAN TINDAKAN LEWIN DAN LAIDLAW	TARIKH	TINDAKAN	KAEDAH KUTIPAN DATA
Tindakan 2.1	Mengenalpasti masalah	21.09.2017	Temubual Dan Analisis Masalah 6 orang peserta kajian	Temubual,catatan lapangan, Analisis Dokumen,
Tindakan 2.2	Merancang tindakan	22.09.2017	Intervensi 1	BBM, Catatan lapangan, temubual, Pemerhatian
Tindakan 2.3	Melaksanakan tindakan	25.09.2017	Intervensi 2	BBM, Pemerhatian (gambar) Nota lapangan
Tindakan 2.4	Memerhati	28.09.2017	Intervensi 3 dan Penilaian 3	Pemerhatian, Analisis Dokemen. Pemerhatian
Tindakan 2.5	Refleksi dan analisis	29.09.2017	Menganalisis Hasil Dapatan Kitaran 2	Analisis Dokumen

Jadual 3

Langkah Pelaksanaan Intervensi

INTER VENSI 1			
	1. Pengenalan	2. Berekperimen	3. Penerangan
INTER VENSI 2			
	1. Imlak dan Teka	2. Melabel	3. Memadan
INTER VENSI 3			
	1. Pengulangan	2. Elemen Kewarganegaraan	3. Penilaian Akhir

Kaedah Mengumpul Data

Menurut Buku Manual Penyelidikan IPGM (2016), kajian tindakan memerlukan asas empirikal yang kukuh untuk membolehkan tindakan yang tepat dijalankan. Justeru itu saya telah memilih kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual bagi tujuan pengumpulan data.




Pemerhatian. Kajian ini telah menggunakan dua jenis pemerhatian. Iaitu pemerhatian berstruktur dan tidak berstruktur bagi merekodkan segala yang berlaku. Selain itu, gambar juga turut diambil sepanjang kajian ini dijalankan sebagai bukti tingkah laku dan reaksi peserta kajian. Pemerhatian telah dibuat sebelum, semasa dan selepas kajian bagi melihat perkembangan murid dari semasa ke semasa.

Temu Bual. Menurut Chuah Kim Hwa (2007), temu bual merupakan kaedah yang membolehkan seseorang penyelidik mendapat maklumat kajian secara mendalam kerana temu bual melibatkan hubungan bersua muka (*face-to-face*) dengan peserta kajian. Dalam kajian ini saya telah menggunakan temu bual separa berstruktur dan tidak berstruktur bagi memudahkan saya mendapatkan maklumat dengan menggunakan Bahasa yang lebih mudah dan dekat dengan murid. Semua temubual yang telah dijalankan telah direkod dan ditranskripikan sebagai bukti kesahan kajian yang dijalankan.

Analisis dokumen. Digunakan untuk melihat perkembangan kemahiran menulis dan menjawab peserta kajian pada lembaran kerja. Instrumen analisis dokumen yang akan saya gunakan ialah lembaran kerja, jurnal, rekod perkembangan prestasi dan borang maklum balas peserta kajian. Bilangan soalan yang betul dan jumlah markah setiap lembaran kerja dicatatkan dalam rekod perkembangan prestasi peserta kajian.

Cara Menganalisis Data

Analisis Kandungan. Menurut Philip Mayring (2000), analisis kandungan merupakan suatu proses mentafsir data kualitatif secara terancang bagi menginterpretasi pengalaman, perasaan, situasi, latar dan sebagainya bagi membentuk sebuah model untuk menjelaskan tujuan atau matlamat analisis yang dilakukan. Dalam kajian ini, analisis kandungan telah dilakukan ke atas lembaran kerja, nota lapangan dan temubual melalui pembacaan berulang kali sebelum melabelkan tema.

Analisis Dokumen	Pemerhatian	Catatan Nota Lapangan
		
<p>Rajah 9. Lembaran Kerja Penilaian 1 Bob pada 12 September 2017</p>	<p>Rajah 10. Borang pemerhatian terhadap peserta kajian pada 21 September 2017.</p>	<p>Rajah 11. Analisis nota lapangan semasa proses PdPc pada 21 September 2017</p>

Analisis Pola. Analisis jenis ini yang turut dikenali sebagai *trend analysis* merupakan suatu teknik menganalisis data yang telah dikumpulkan dalam suatu tempoh masa, pada tahap yang berbeza. Melalui kaedah ini, pola perubahan yang menunjukkan peningkatan tahap penguasaan peserta kajian sebelum, semasa dan selepas Roda ASEAN diperkenalkan telah dikenalpasti.

Cara Menyemak Data


Menurut Rosnah Edinin (2012), triangulasi merupakan kaedah semakan data yang sesuai dalam penyelidikan tindakan. Dalam kajian ini, saya telah menggunakan triangulasi data/kaedah, masa dan sumber untuk menyemak data yang telah dikumpulkan. Hasil data yang diperoleh daripada pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen telah dianalisis bagi melihat persamaan yang wujud untuk menjawab persoalan kajian saya. Perbandingan ini akan membantu saya menyemak kredibiliti data yang telah saya perolehi (Creswell, 2013).

Triangulasi Data.


Melalui triangulasi ini, saya telah menggunakan tiga jenis lembaran kerja yang berlainan seperti yang terdapat pada Rajah 12, 13 dan 14. Tujuan penggunaan tiga lembaran kerja yang berlainan bertujuan meningkatkan kesahan data, iaitu bagi membuktikan hasil kajian diperoleh bukanlah disebabkan proses pengulangan semata-mata.



Rajah 12. Lembaran kerja Penilaian 1,2 dan 3



Rajah 13. Lembaran kerja Penilaian Tambahan 1




Rajah 14. Lembaran kerja Penilaian Tambahan 2

Tringulasi Sumber. Kajian saya turut melibatkan dua orang guru di SK Katana iaitu Cikgu A dan Cikgu B. Cikgu A merupakan Ketua Panitia bagi Subjek Sejarah manakala Cikgu B adalah Guru Sejarah bagi Tahun 5. Cikgu A yang juga merupakan Guru Pembimbing saya telah membantu saya dalam pemilihan lembaran kerja yang sesuai serta menjadi penyemak kepada pemarkahan saya. Manakala Cikgu B pula banyak memberikan maklum balas terhadap keberkesanan kajian ini.

Triangulasi Kaedah pula digunakan bagi menyemak ketekalan data dapatan yang diperolehi daripada kaedah pengumpulan data yang berbeza (Lesley, 2014). Dengan menggunakan tringulasi ini, saya telah membanding beza dapatan daripada beberapa kaedah yang berlainan bagi menunjukkan adanya perkaitan antara tingkah laku, perbuatan dan keputusan dalam beberapa situasi tertentu dengan tahap pencapaiannya. Berikut pada Rajah 15, 16 dan 17 adalah data yang diperolehi dari kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual Bob yang digunakan sebagai triangulasi kaedah ke atas hasil dapatan akhir kajian.



Rajah 15. Analisis Dokumen Lembaran Kerja Bob



Rajah 16. Catatan nota lapangan bersama Bob dan Benz

JUBAL TIDAK BERSTRUKTUR BERSAMA BOB SELEPAS INTERVENSI 3	
PERKARA	
Guru:	Boleh cikgu tahu berapa negara yang kamu ingat apabila menggunakan Roda ASEAN?
Bob:	Semua
Guru:	Ok semua negara, pasti?
Bob:	Ya
Guru:	Okey, Kalau macam tu boleh cikgu minta kamu ulang kembali apa yang telah kamu belajar tadi? Cikgu nak dengar...
Bob:	Boleh cikgu, senang je saya dah ingat "Fila Pura-pura Malin Tali Kemeja Baru Papa Ammar depan Tivi" kan kann..


Rajah 17. Temubual di akhir sesi Intervensi bersama Bob

Dapatan Kajian

Bagaimanakah penggunaan Roda ASEAN dapat meningkatkan tahap penguasaan peserta kajian tentang Bendera Kebangsaan Negara-Negara Di Asia Tenggara?

Kajian ini dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan peserta kajian tentang Bendera Kebangsaan Negara-Negara Di Asia Tenggara melalui tiga cara iaitu penggunaan kaedah mnemonik, penggunaan bahan bantu bergambar serta analogi Roda ASEAN kepada Pizza Perpaduan.

Pada Rajah 18 menunjukkan penggunaan Ayat Mnemonik berjaya menjadi alat kepada murid untuk menguasai kesemua 12 nama negara di Asia Tenggara. Murid hanya perlu menulis satu ayat sahaja bagi menyenaraikan kesemua BKNNDAT. Ia memudahkannya murid kerana tidak lagi perlu menghafal nama-nama negara yang banyak.



Rajah 18. Ayat Mnemonik sebagai panduan menjawab soalan

Selain itu, Roda ASEAN sebagai bahan bantu bergambar dapat membantu peserta kajian mengenalpasti ciri-ciri BKNNDAT dengan jelas kerana Roda ASEAN itu sendiri mengandungi peta, bendera, nama negara serta Akronim yang terangkum dalam satu bahan bantu. Proses penilaian juga boleh dibuat dengan menggunakan Roda ASEAN melalui aktiviti melabel nama bendera pada bahan bantu ini seperti yang terdapat pada rajah 19.



Rajah 19. Proses Penilaian dengan menggunakan Roda ASEAN

Manakala melalui elemen tambahan, peserta kajian telah didedahkan mengenai Elemen Kewarganegaraan melalui konsep Analogi Roda ASEAN dengan Pizza Perpaduan. Pada rajah 20 merupakan bagaimana murid mengaitkan Bahan bantu ini dengan elemen kewarganegaraan yang diajar.

Guru:	Bagus Benz. Sekarang cikgu nak tanya kamu, kamu rasa kenapa kamu kena hormat dan sayang dekat bendera negara (bendera kebangsaan) kamu?
Benz:	Sebab tu kan, bendera kita.. kita kan orang Malaysia, mestilah kita kena sayang dengan bendera Malaysia.. (sayang akan bendera)
Guru:	Kalau ada orang pijak bendera Malaysia, apa perasaan kamu?
Benz:	Marah lah cikgu, mana boleh pijak bendera (menghormati lambang negara)
Guru:	Jadi kalau bendera lain boleh pijak ke?
Benz:	Tak boleh jugak cikgu, tak baik... nanti orang pijak bendera kita (hormat-menghormati)

Rajah 20. Transkrip temu bual bersama Benz dalam mendapatkan reaksinya mengenai Elemen Kewarganegaraan 9.2.7

Bagaimanakah pengajaran menggunakan Roda ASEAN ini dapat menambah baik amalan sendiri saya semasa proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan Sejarah?

Pelaksanaan penyelidikan tindakan ini secara tidak langsung telah menambah baik amalan sendiri saya dalam proses PdPc Sejarah. Sebagai contoh ia berjaya mencungkil budaya kreativiti saya. Ini kerana bagi mencapai matlamat penghasilan Roda ASEAN saya telah mencuba pelbagai bahan ransangan semasa mengajar dalam bentuk visual, aktiviti kooperatif, komik, permainan dan sebagainya. Berikut pada Rajah 21, 22 dan 23 merupakan antara Bahan Bantu Belajar (BBB) yang telah saya hasilkan bagi tajuk ini.



Rajah 21. BBB 'Tack It', memacakkan bendera.



Rajah 22. Puzzle BKNNDAT



Rajah 23. BBB bagi permainan Ular dan tangga BKNNDAT.

Melalui penghasilan bahan ini sebenarnya secara tidak langsung telah memberi saya idea untuk menghasilkan Roda ASEAN iaitu bahan bantu bercirikan permainan, berwarna-warni, mudah dibawa dan digunakan serta mempunyai maklumat lengkap mengenai tajuk yang diajar.

Selain itu, melalui penyelidikan ini ia telah menambah baik amalan saya agar saya sentiasa membudayakan amalan reflektif dalam pengajaran. Melalui proses refleksi menurut Teori Keprihatinan Fuller (1969), saya menyedari bahawa kemandirian diri saya bukan sahaja memberi impak yang positif kepada diri malah akan memberi kesan kepada tugas dan organisasi saya. Kesan positif juga dapat dilihat melalui amalan pengajaran saya, iaitu ia menjadikan saya lebih komited terhadap tugas saya

sebagai guru sekaligus, berjaya membantu meningkatkan prestasi murid saya dalam menguasai maklumat tentang bendera Negara-Negara di Asia Tenggara seperti yang terdapat pada jadual 3 .

Jadual 3

Analisis keputusan penilaian peserta kajian

PESERTA	Penilaian 1 (0/12)	Penilaian 2 (0/12)	Penilaian 3 (Akhir) (0/12)	Penilaian Tambahan 1 (0/6)	Penilaian Tambahan 2 (0/8)
ALI	17%	33%	100%	100%	100%
AMINAH	8%	25%	100%	100%	100%
BOB	17%	33%	100%	100%	100%
BENZ	17%	33%	100%	100%	100%
CARL	8%	25%	100%	100%	100%
CAMELIA	8%	25%	92%	100%	100%

Refleksi

Proses amalan reflektif menurut Alwiah (1983) merupakan suatu pemikiran yang kritis dalam mengenalpasti dan menangani sesuatu masalah yang dihadapi. Selain mengenalpasti kekuatan yang diperolehi sepanjang penyelidikan tindakan ini dijalankan, saya juga telah mengenalpasti beberapa kelemahan dalam penyelidikan ini. Antara kelemahan yang telah dikenalpasti adalah dari segi pengurusan masa intervensi yang terhad. Ini kerana, intervensi secara berpasangan memakan banyak masa berbanding sekiranya intervensi dijalankan secara berkumpulan berkumpulan. Ia bukan sahaja akan menjimatkan masa, malah akan menggalakkan perbincangan dan komunikasi antara peserta kajian. Dengan cara ini guru hanya perlu bertindak sebagai pemudahcara dan murid memainkan peranan yang lebih aktif semasa sesi intervensi. Selain itu antara kelemahan lain yang telah dikenalpasti adalah dari segi penyzoalan. Selepas menjalankan kajian ini saya mendapati, untuk mendapatkan respon yang lebih aktif daripada murid, soalan berbentuk terbuka perlulah digunakan. Elakkan daripada menggunakan soalan tertutup kerana ia tidak cukup untuk menggambarkan pandangan dan jawapan peserta kajian.

Teori Peringkat Perkembangan Guru Trotter (1986) menerangkan mengenai proses perkembangan yang dialami oleh guru pelatih kepada guru profesional dalam suatu tempoh jangka masa yang panjang (Huitt W, 2006) Oleh itu, saya melihat proses penyelidikan tindakan ini sebagai satu pengalaman berharga dalam membantu perkembangan profesionalisme diri saya kerana ia telah membantu membentuk karakter diri yang prihatin dan kreatif dalam diri saya. Prihatin dalam konsep ini adalah saya lebih peka terhadap masalah yang dihadapi oleh murid.

Kreatif pula bermaksud, melalui penyelidikan tindakan saya telah melalui banyak frasa tindakan yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan pelbagai

strategi dan teknik bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Secara tidak langsung, ia telah membantu menambah baik amalan pengajaran saya dan membantu saya menimba ilmu pengetahuan baru bagi memantapkan lagi kompetensi diri saya sebagai seorang guru.

Anjakan Keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) berhasrat untuk Mentransformasi Profesion Keguruan Menjadi Profesion Pilihan di Malaysia. Maka guru perlulah memainkan peranan sebagai pelaksana pelan ini dengan **memartabatkan profesion ini di mata masyarakat melalui penyelidikan** dan pembaharuan hasil daripada penyelidikan. Manakala melalui penyelidikan tindakan yang berpandukan Model Penyelidikan Lewin dan Laidlaw, saya dapat meningkatkan amalan professional saya sebagai seorang guru proaktif yang sentiasa menambah baik amalan pengajaran saya melalui lima langkah kajian seperti yang telah disarankan oleh Lewin dan Laidlaw. Sebagai penyelidik juga saya sedar proses penyelidikan akan sentiasa memerlukan kitaran baru bagi menangani masalah yang timbul pada satu-satu masa kajian (Aziz Shah, 2014).

Manakala sebagai seorang **guru sejarah saya perlu mempunyai pengetahuan yang mantap mengenai kandungan bidang dan kemahiran pedagogi** kerana ia merupakan asas kepada profesion keguruan (Noriati et. Al, 2010). Kajian Luiza Zeqiri (Anuar & Nelson, 2015) membuktikan bahawa Teknik pengajaran yang kreatif dan bersifat interaktif dapat membina sebuah persekitaran pembelajaran yang menarik. Oleh itu saya perlu sentiasa **membudayakan nilai kreativiti dalam PdPc sejarah** agar pengajaran Sejarah tidak lagi jumud dan membosankan.

Cadangan Tindakan Susulan

Roda ASEAN merupakan suatu alat bantu yang berfungsi untuk membantu murid menguasai Tajuk BNNDAT. Berdasarkan pengalaman melaksanakan penyelidikan tindakan ini selama beberapa bulan secara berterusan, saya telah melihat beberapa ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Pertama adalah dengan menerapkan **unsur didik hibur** semasa pengajaran topik ini dengan menggabungkan Roda ASEAN dengan idea permainan monopoli. Dimana permainan ini boleh dilakukan dengan memadankan nama negara dan benderanya dengan menggunakan papan monopoli untuk menguji penguasaan murid. Dengan memasukkan unsur permainan dalam pembelajaran tajuk ini sudah tentu proses pembelajaran lebih menarik dan dapat melibatkan murid secara aktif dalam PdPc Sejarah bagi tajuk ini.

Selain itu, kajian pada masa hadapan juga boleh ditambah baik dengan mengaplikasi idea ini kepada Tajuk **Bendera Negeri-Negeri di Malaysia** yang akan dipelajari oleh murid semasa Tahun 6. Ini boleh dilaksanakan dengan mudah memandangkan konsepnya adalah sama iaitu menggunakan gambar, peta dan ayat mnemonik. Ia boleh dilakukan dengan menggantikan bendera negara di Asia Tenggara dengan bendera negeri-negeri di Malaysia. Cadangan ketiga adalah untuk menghasilkan **Kit Pembelajaran Bendera**. Dimana bahan-bahan bantu belajar yang telah dihasilkan bagi tajuk ini boleh dimodulkan untuk dijadikan kit pembelajaran yang boleh diguna pakai oleh guru-guru lain.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Roda ASEAN yang diperkenalkan ini sesuai diaplikasi dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah. Ini kerana Teknik ini telah berjaya membantu enam orang peserta kajian dalam menguasai tajuk Bendera Negara-Negara di Asia Tenggara. Saya berharap pada masa akan datang saya akan terus bereksperimentasi dengan pelbagai teknik pengajaran dan membentuk konsep

pembelajaran yang relevan dalam setiap kemahiran tajuk yang diajar apabila saya telah bergelar guru kelak. Semoga penyelidikan tindakan ini menjadi pencetus kepada usaha membudayakan penyelidikan sepanjang karier saya dalam bidang Perguruan.

Rujukan

- Anuar Ahmad, & Nelson Jingga. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Bloom, B. S. (Ed.). (1989). *Taksonomi Objektif Pendidikan: Buku pedoman 1 : Domain Kognitif* (Abdullah Junus, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J. W. (2013). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Boston: Pearson.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Sejarah Tahun 5*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Sejarah Tahun 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marshall, M.H., Jananette, B. (2009). *Language, Memory and Cognition on Infancy and Early Childhood*. San Diego: Academic Press.
- Mohammad Aziz Shah Bin Mohamed Arip, Fauziah Binti Mohd Sa'ad, Norhidayah Binti Jaapar, Khairiyah Binti Mohd Ali, Najwa Hananie Binti Athdzar, & Wan Norhasniah Binti Wan Abd Rashid. (2014, September). *Faktor, Kesan Dan Strategi Menangani Permasalahan Kurang Tumpuan Pelajar Sekolah Menengah Di Dalam Kelas: Suatu Kajian Kualitatif*. Dibentangkan di International Counseling Conference and Work, Medan. Diambil dari <http://digilib.unimed.ac.id/id/eprint/4781>
- Mohd Samsudin, & Shahizan Shahrudin. (2012). Pendidikan Dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah Di Sekolah Di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39 (2), 116-141. Diambil dari <http://journalarticle.ukm.my/6232/1/g.pdf>
- Pusat Pembangunan Akademik IPGM. (2016). *Buku Panduan Penyelidikan Tindakan Institut Pendidikan Guru Malaysia*. Institut pendidikan Guru Malaysia.